


Projek River of Life minimum impak bah jika siap awal



Pelaksanaan projek River of Life berupaya meminimumkan impak kerosakan harta benda penduduk akibat kejadian banjir luar biasa Lembah Klang sekiranya disiapkan mengikut jadual iaitu tahun 2020.

SHAH ALAM - Pelaksanaan Projek River of Life diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional (BN), sebenarnya mampu meminimumkan impak kerosakan harta benda berpunca daripada kejadian banjir luar biasa di Lembah Klang, sekiranya disiapkan mengikut jadual tahun lalu.

Perunding firma kejuruteraan awam, Mohamad Khaled Nordin berkata, sewaktu pentadbiran kerajaan BN, projek River of Life yang bertujuan mengurangkan risiko banjir dengan kerja memperbesar, mendalamkan dan membuat sistem pintasan dari Sungai Gombak hingga ke muara sungai di Klang, telah diusahakan.

Jelasnya, projek bernilai lebih kurang AS\$1.3 bilion (RM4.21 bilion) dengan sebuah syarikat perunding terkemuka, AECOM telah dilantik bagi melaksanakan pelan induk pengindahan dan reka bentuk projek berkenaan, secara asasnya mampu

mengurangkan ancaman banjir secara holistik susulan usaha menambahkan ketinggian tembok di tepi sungai turut dirancang.

“Namun projek dimulakan sejak tahun 2013 itu dibatalkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) tanpa perangkaan solusi alternatif bagi mendepani kemungkinan berlaku banjir di Lembah Klang.

“Mujurlah sekarang projek penting ini telah disambung oleh kerajaan sedia ada dan dijangka siap pada tahun 2024,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohamad Khaled tidak menafikan idea satu lagi terowong SMART di kawasan Selangor mungkin solusi jangka masa panjang bagi membendung kejadian banjir besar luar biasa.

Bagaimanapun, beliau berpendapat sebarang idea itu haruslah bersifat perancangan jangka panjang kerana kos pembinaannya tinggi di samping tempoh pelaksanaannya memakan masa lama.